

09 MAY 1999

NAIB PRESIDEN IRAQ TIBA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

SEPANG, 9 Mei (Bernama) -- Naib presiden Iraq Taha Yaseen Ramadhan tiba di sini untuk lawatan rasmi empat hari bagi mengukuhkan lagi hubungan bersama dengan Malaysia.

Taha disambut di Bilik Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Fauzi Abdul Rahman selaku menteri pengiring.

Taha, 60, merupakan pemimpin tertinggi Iraq untuk melawat Malaysia sejak kedua-dua negara itu menjalin hubungan diplomatik 35 tahun lepas. Lawatan Taha ke sini adalah atas jemputan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Taha memegang jawatan naib presiden sejak Mac 1991 dan juga merupakan anggota Majlis Pemerintahan Revolusi, badan perundangan tertinggi di negara Teluk itu.

Esok, Taha akan menghadiri taklimat di Unit Perancangan Ekonomi (EPU) sebelum mengunjungi Abdullah di pejabatnya.

Pada Selasa, Taha dijangka mengadakan perbincangan dengan presiden Petronas Tan Sri Hassan Merican sebelum mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya.

Taha akan bertolak ke Vietnam pada Rabu.

Iraq yang kaya dengan sumber petroleum dikenakan sekatan ekonomi oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) selepas ia menyerang Kuwait pada Ogos 1990. Sejak itu ia menjadi sasaran beberapa serangan udara oleh Amerika Syarikat dan Britain, yang dikecam oleh Malaysia dan masyarakat sedunia.

-- BERNAMA

MHI PR